i. Pendaftaran kes tuntutan hendaklah disertakan:
   a) Saman
   b) Penyata tuntutan
   c) Ikatan dokumen ( jika berkaitan )
   d) Wang pendaftaran secukupnya
   e) Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie

ii. Pendaftaran yang lengkap dan mengikut undang-undang sahaja yang akan diterima

**SYARAT-SYARAT PELANGGAN BOLEH MENDAFTARKAN KES**

Semua orang Islam yang berkahwin secara sah mengikut Hukum Syarak, didaftar mengikut undang-undang dan bermastautin di dalam sesuatu negeri boleh mendaftarkan permohonan atau tuntutan di mana-mana Mahkamah Syariah di tempat dia bermastautin.

**NOTA: PENDAFTARAN KES BOLEH DIBUAT SENDIRI OLEH PEMOHON ATAU MELALUI KHIDMAT PEGUAM SYARIE BAGI YANG BERKEMAMPUAN ATAU BAGI YANG BERPENDAPATAN RENDAH MELALUI BIRO BANTUAN GUAMAN.**

## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN**
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU**
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT**
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066

# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# PANDUAN PENDAFTARAN KES MAL



## JENIS PENDAFTARAN

Terdapat 2 jenis pendaftaran kes MAL yang boleh dibuat di Mahkamah Syariah iaitu:

a) Tuntutan
b) Permohonan

*TUNTUTAN* ialah tiap-tiap tindakan atau prosiding kes MAL yang dimulakan dengan saman beserta penyata tuntutan.

*PERMOHONAN* ialah tiap-tiap tindakan atau prosiding kes MAL yang dimulakan dengan notis permohonan beserta afidavit sokongan.

**SENARAI KES YANG BOLEH DIMULAKAN DENGAN PERMOHONAN DI DALAM ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI SABAH 2004.**

Kes-kes yang berikut hendaklah dimulakan dengan notis permohonan beserta afidavit sokongan iaitu:

- Keizinan untuk melangsungkan perkahwinan seseorang belum dewasa
- Perlantikan wali raja / wali hakim: ( Tiada wali nasab, Wali engkar)
- Perintah bagi pendaftaran perkahwinan yang dilangsungkan berlawanan dengan undang-undang
- Anggapan kematian
- Perlantikan penjaga harta seseorang orang belum dewasa
- Perintah bagi pengubahan kuasa penjaga harta seseorang orang belum dewasa
- Perintah bagi pemecatan penjaga harta seseorang orang belum dewasa
- Kebenaran bagi perlupusan harta seseorang orang belum dewasa
- Kebenaran bagi perlupusan harta seseorang orang belum dewasa
- Kebenaran untuk menyara seseorang orang belum dewasa daripada pendapatan hartanya
- Perintah bagi penggunaan harta modal untuk menyara seseorang orang belum dewasa
- Perintah larangan yang berhubungan dengan harta seseorang orang belum dewasa
- Injunksi yang menghalang anak dibawa keluar dari Malaysia
- Perintah untuk mengenepikan dan injunksi yang menghalang, pelupusan harta untuk mengecewakan tuntutan nafkah
- Injunksi terhadap perkosaan oleh suami atau isteri atau bekas suami atau bekas isteri
- Pengiktirafan perkahwinan yang diijabkabulkan di luar negeri
- Pengesahan pengakuterimaan paternity oleh perempuan dalam eddah (pembahagian harta pusaka)

## SENARAI KES YANG DIMULAKAN DENGAN SAMAN

Semua jenis kes selain daripada disenaraikan di atas, tindakan atau prosidingnya hendaklah dimulakan dengan saman beserta penyata tuntutan kecuali dinyatakan sebaliknya oleh undang-undang. Antaranya:

- Tuntutan perceraian
- Tuntutan cerai takliq
- Tuntutan gantirugi pertunangan
- Tuntutan fasakh
- Tuntutan muta'ah
- Tuntutan harta sepencarian
- Tuntutan nafkah isteri
- Tuntutan nafkah kepada pihak tak upaya
- Tuntutan cagaran nafkah
- Tuntutan nafkah eddah
- Tuntutan mengubah perintah nafkah
- Tuntutan tunggakan nafkah
- Tuntutan nafkah anak
- Tuntutan mengubah hak jagaan anak / nafkah anak
- Tuntutan hadhanah
- Tuntutan ganishment / hiwalah
- Tuntutan Penghutang penghakiman

## PROSEDUR PENDAFTARAN

i. Setiap pendaftaran kes hendaklah diserahkan sendiri oleh pemohon atau wakilnya kepada Pendaftar atau Penolong Pendaftar

ii. Tiap-tiap dokumen kes hendaklah dikemukakan dalam tiga salinan

iii. Pendaftaran kes permohonan hendaklah disertakan:
   a) Notis permohonan
   b) Afidavit sokongan
   c) Eksibit-eksibit ( jika berkaitan, contohnya salinan sijil nikah, sijil lahir, dan lain-lain )
   d) Fi secukupnya
   e) Wakalah Peguam Syarie bagi yang menggunakan khidmat Peguam Syarie
   f) Surat rujukan daripada Pendaftar Nikah Daerah kepada Hakim Syarie bagi permohonan Wali Am, perkahwinan bawah umur dan pengesahan janda berhias